

18/11/1997

Chirac sokong cadangan Dr M (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ridzuan Yop

LANGKAWI, Isnin - Perancis menyatakan sokongannya terhadap cadangan Malaysia supaya diperkenalkan peraturan bagi mengawal kegiatan spekulasi dan manipulasi di pasaran mata wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Presiden Jacques Chirac sependapat peraturan perlu diwujudkan dalam perdagangan mata wang supaya tidak timbul keadaan kacau-bilau seperti yang melanda beberapa negara di Asia Tenggara, baru-baru ini.

"Chirac tidaklah menyatakan yang kita seharusnya mengehendkan perdagangan itu, tetapi anarki tidak harus wujud, iaitu apabila seseorang dapat meningkatkan modal 20 kali ganda melalui perbuatan manipulasi.

"Ini adalah sesuatu yang perlu disiasat oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF)," katanya kepada pemberita di sini, hari ini selepas pertemuan dengan Presiden Perancis itu yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja dua hari.

Dr Mahathir berkata, Chirac juga memberitahunya yang beliau sudah berbincang mengenai perkara itu dengan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, menerusi telefon malam tadi.

Selain itu, beliau juga bersetuju Kumpulan 15 negara membangun (G-15) hendaklah diwakili apabila Kumpulan Tujuh negara maju (G-7) membincangkan isu mata wang.

Perdana Menteri berkata, dalam perbincangan dengan Chirac, beliau memaklumkan mengenai keperluan mewujudkan perdagangan mata wang secara terbuka lengkap dengan peraturannya.

"Chirac bersetuju seperti juga yang dipersetujui sendiri oleh Camdessus ketika berada di negara ini minggu lalu. Jika cadangan Malaysia dibincang dan kemungkinan diterima, saya yakin ia akan menghalang kejatuhan mata wang seperti yang dialami sekarang," katanya.

Ditanya mengenai langkah seterusnya, Dr Mahathir berkata ia sudah dipersetujui oleh IMF dan kini terserah kepada negara serantau, G-15 dan kumpulan negara lain berbincang dan memberikan sokongan.

Chirac yang bersetuju dengan Dr Mahathir pula berkata, memang selama ini beliau berpendapat wujud tanda negatif dalam bidang kewangan kerana spekulasi.

"Spekulasi berlebihan oleh sesetengah pedagang mata wang perlu dikawal. Kita perlu mengenal pasti peraturan bagi menghapuskan 'undang-undang hutan' bagi kepentingan semua pihak.

"Seperti yang sering dikatakan Dr Mahathir, ia menjejaskan orang miskin dan saya tidak bermaksud negara miskin, tetapi orang yang paling miskin," katanya.

Justeru, Chirac berpendapat cadangan IMF untuk melaksanakan kajian yang dicadangkan Malaysia itu bakal membolehkan kegiatan spekulasi dan manipulasi dikawal.

Bagaimanapun, ia perlu dilaksanakan menerusi kerjasama IMF, Malaysia dan semua negara lain yang terbabit.

Selain itu, kedua-dua pemimpin bersetuju mengenai keperluan memperkukuh dan membabitkan negara G-15 dalam forum G-7.

Dr Mahathir memaklumkan kepada Chirac G-7 perlu mendengar pandangan negara G-15 yang turut mewakili Asia Tenggara, mengenai pelbagai isu antarabangsa, terutama isu ekonomi dan kewangan.

Chirac yang bersetuju dengan pandangan itu berkata, sejak dua tahun lalu Perancis mendapati susah untuk membolehkan perbincangan mengenai program

keuangan global tanpa kehadiran wakil dari wilayah Asia, terutama Asia Tenggara walaupun Jepun adalah anggota G-7.

"Beliau percaya G-15 dan G-7 hendaklah mempunyai hubungan yang lebih rapat kerana apa-apa yang diputuskan G-7 akan mempunyai implikasi terhadap G-15," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, Chirac lebih suka lagi kalau G-15 dapat meletakkan wakilnya dalam G-7 dan meminta Malaysia supaya mengambil daya utama ke arah itu.

(END)